

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/10 / 2009

Senjata moden akibatkan persaingan negara berjiran

UM - 29/10/09

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Fenomena perlumbaan senjata yang dicipta oleh pengeluar senjata moden telah menyebabkan wujud persaingan di antara negara-negara berjiran, serantau mahupun 'musuh tradisi'.

Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, perlumbaan senjata yang diwujudkan itu tidak akan berakhir kerana ia akan dicituskan dari semasa ke semasa.

Katanya, perlumbaan itu telah membuatkan para pengeluar senjata dengan mudah mengaut keuntungan manakala banyak negara membeli senjata yang dibeli tidak akan digunakan sama sekali.

Menurut beliau, Malaysia turut tidak ketinggalan menjadi mangsa

pengeluar-pengeluar senjata berkeanaan.

"Ini bukan imaginasi saya. Ia berlaku sekarang malah turut berlaku di Malaysia. Kita perlu membeli pesawat dan kapal selam yang mahal walaupun tidak pernah berhasrat untuk berperang dengan sesiapa.

"Dan peralatan ini perlu dinaik taraf dari semasa ke semasa," katanya sewaktu ucap tama Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Jelas Dr. Mahathir, pengeluar senjata akan cuba mewujudkan perlumbaan senjata di antara negara yang berjiran atau negara yang bermusuhan supaya mereka boleh menjual semua senjata yang dihasilkan.

"Perlumbaan senjata itu akan me-

wujudkan rasa takut dan tertekan di antara negara terlibat. Dalam ketakutan ada di antara negara terlibat akan berperang sesama sendiri.

"Jika tidak digunakan kos yang dikeluarkan ke atas senjata itu akan menjadi sia-sia. Rasa ingin untuk mencuba senjata yang dibeli sukar untuk ditahan. Dengan cara ini bermulalah proksi perang dan perang ke atas negara yang lemah," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, kebanyakan negara tidak pernah belajar daripada keadaan itu.

"Mereka akan terus menaik taraf persenjataan mereka walaupun mereka jarang menggunakan sebarang senjata," katanya lagi.

Keadaan itu menyebabkan perniagaan senjata semakin berkembang dan menjadi sebahagian besar daripada perdagangan dunia.